

MAHATHIR - PILIHAN RAYA

KUALA TERENGGANU, 4 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENDEDAHKAN WUJUDNYA SATU ALIRAN PEMIKIRAN DI KALANGAN SEGELINTIR RAKYAT DI NEGARA INI YANG INGIN MEMBUAT DUA PILIHAN DALAM PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI BERKATA, GOLONGAN YANG TERDIRI DARIPADA SEGOLONGAN ORANG BUKAN MELAYU ITU BERCITA-CITA MENGUNDI PAS AGAR PARTI ITU BOLEH MEMERINTAH DI PERINGKAT NEGERI, MANAKALA PADA PERINGKAT PARLIMEN, MEREKA AKAN MENGUNDI BARISAN NASIONAL AGAR IA TERUS KEKAL MEMERINTAH DI PERINGKAT PUSAT.

+SESUNGGUHNYA ALIRAN SEUMPAMA ITU SANGAT BERBAHAYA KERANA TIADA SIAPA YANG TAHU APA YANG AKAN BERLAKU PADA HARI PILIHAN RAYA DAN SIAPA PULA YANG AKAN MENANG,+ TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR KETIKA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 2,000 ORANG PEMIMPIN BARISAN NASIONAL NEGERI INI DI STADIUM NEGERI, DI SINI PETANG INI.

KATANYA, GOLONGAN YANG BERURA-URA HENDAK MENENTUKAN CORAK POLITIK NEGARA INI SEDEMIKIAN RUPA MENDAKWA KONONNYA JIKA BN DIBERI TERLALU BANYAK KUASA, IA AKAN MELAKUKAN SESUATU SESUKA HATINYA. --
LAGI

1946MST 04 04 86

MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 KUALA TERENGGANU

BELIAU MENGINGATKAN, JIKA CITA-CITA GOLONGAN ITU BERLAKU, PERTIMBANGAN AKAN HILANG DAN AKIBATNYA AMAT DAHSYAT KEPADA NEGARA. PERDANA MENTERI BERKATA, DAKWAAN GOLONGAN ITU ADALAH TIDAK BENAR, TETAPI SEBALIKNYA IAITU APABILA PAS MEMERINTAH, MEREKA AKAN MELAKUKAN APA SAHAJA KERANA IA TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG PERANCANGAN UNTUK KEBAIKAN RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BN WAJAR MEMENANGI SEKURANG-KURANGNYA 2/3 DARIPADA KERUSI YANG DIPERTANDINGKAN DALAM PILIHAN RAYA AKAN DATANG AGAR KERAJAAN BOLEH MEMERINTAH NEGARA DENGAN BEKESAN.

KATANYA, PARTI YANG MEMENANGI PILIHAN RAYA DENGAN KEMENANGAN TIPIS AKAN SENTIASA MERASA TAKUT UNTUK MELAKSANAKAN SESUATU SETELAH MEMBENTUK KERAJAAN KERANA BIMBANG ANGGOTA-ANGGOTANYA MELOMPAT KE PARTI LAIN.

BELIAU BERKATA APABILA KERAJAAN TIDAK MEMENANGI KERUSI YANG MEYAKINKAN, NEGARA TIDAK AKAN MENJADI AMAN.

+HANYA DENGAN MEMPUNYAI MAJORITI YANG BESAR BARULAH KERAJAAN DAPAT BERTINDAK MELAKUKAN SESUATU, WALAUPUN APA YANG DILAKUKAN ITU TIDAK POPULAR DI KALANGAN SESUATU KUMPULAN TETAPI BERFAEDAH KEPADA RAKYAT KESELURUHANNYA.

-- LAGI

1949MST 04 04 86

B B494 DEB

MAHATHIR - PILIHAN RAYA 3 KUALA TERENGGANU

BELIAU MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA BIJAK MEMBUAT PILIHAN DAN HENDAKLAH MENOLAK PAS KERANA KEWUJUDAN PARTI ITU TELAH BANYAK MENIMBULKAN KEROSAKAN KEPADA NEGARA DAN RAKYAT.

KATANYA, KERANA ADANYA PAS PELBAGAI PERKARA BERLAKU YANG MENCEMARKAN NAMA UMAT ISLAM DAN BANGSA MELAYU SEPERTI PERBUATAN SEMBAHYANG DUA IMAN DI MASJID, PENGKEBUMIAN DI KUBUR BERASINGAN, BERNIKAH DUA KALI, BERMUSUHAN ANTARA ADIK-BERADIK DAN SUAMI ISTERI, PULAU MEMULAU DAN KAFIR-MENKAFIR.

KEPADA ORANG-ORANG BUKAN ISLAM, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN, MEREKA HENDAKLAH MEMERHATI TINDAK-TANDUK PERIMPIN PAS YANG MENABUR PELBAGAI AJARAN SESAT KEPADA PARA PENGIKUTNYA SEHINGGA PADA PERINGKAT MENGANGGAP NYAWA KAKITANGAN KERAJAAN DAN ORANG-ORANG UMNO ITU HALAL DIBUNUH, SEPERTI YANG BERLAKU KE ATAS EMPAT ORANG ANGGOTA POLIS YANG TERKORBAN DALAM PERISTIWA MEMALI.

BELIAU MENGGESA ANGGOTA UMNO TERUS MENDAMPINGI ORANG-ORANG PAS DENGAN TUJUAN MEMIMPIN MEREKA KEMBALI KE JALAN BENAR SETELAH DISESATKAN OLEH PARA PEMIMPIN PARTI ITU DENGAN AJARAN-AJARAN AGAMA YANG SALAH. -- BERNAMA

1951MST 04 04 86